

28/04/2004

2 strategi integrasi kaum (HL)

By Kadir Dikoh; Norhafzan Jaafar

PETALING JAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menggariskan dua strategi untuk memantapkan lagi mutu dan memperbaiki integrasi kaum dalam sistem pendidikan, sekali gus mewujudkan generasi yang boleh menyumbang kepada negara dengan lebih bermakna.

Strategi pertama ialah memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai 'sekolah pilihan' tetapi pada masa yang sama melindungi kedudukan sekolah jenis kebangsaan yang ada.

Strategi kedua pula adalah memulakan langkah menjadikan universiti tempatan sebagai institusi pendidikan tinggi bertaraf dunia bagi melahirkan siswazah bertaraf dunia.

Perdana Menteri menegaskan sekolah kebangsaan harus menjadi tonggak penyediaan kemahiran dan ilmu selain tempat menyemai sifat tolak ansur serta saling memahami antara kaum.

"Ini penting kerana satu daripada kebimbangan terbesar, terutama di kalangan ibu bapa adalah mutu pembelajaran di sekolah kebangsaan.

"Usaha menjadikan universiti atau kolej bertaraf dunia pula penting kerana ia bukan saja bertujuan melahirkan pekerja kompetitif, malah bagi membentuk warga negara yang boleh memberi manfaat kepada negara," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertemakan 'Menyuburkan Pendidikan: Melengkapkan Malaysia untuk Realiti Abad ke-21' pada Sidang Kemuncak Pendidikan Malaysia 2004 anjuran Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli), di sini semalam.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan buku '5 men 5 ideas' terbitan Asli mengenai peranan utama lima bekas pemimpin negara iaitu Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad yang dijual pada harga RM30 senaskhah.

Hadir sama Menteri Pelajaran, Datuk Hishammuddin Hussein; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh dan Ketua Eksekutif Asli, Datuk Dr Michael Yeoh.

Sidang dua hari anjuran Asli dengan kerjasama dua kementerian itu, antara lain memberi peluang kepada institusi pendidikan, ahli akademik serta penggubal dasar berbincang mengenai isu utama serta cabaran strategik yang dihadapi dalam bidang pendidikan.

Abdullah berkata, usaha perlu dilakukan bagi menarik minat ibu bapa untuk lebih tertarik menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan di samping menjadikannya pusat untuk menyemai perasaan tolak ansur dan persefahaman kaum.

Bidang perguruan, katanya, sudah tidak lagi dipandang tinggi dan kerana itu usaha serius serta bersepadu perlu untuk menanganinya dengan meningkatkan motivasi dan kedudukan profesion berkenaan.

Beliau mahukan supaya diatasi tanggapan kononnya mata pelajaran tertentu tidak diajar dengan baik atau tidak diberikan penekanan di sekolah kebangsaan yang mendorong kepada minat berpindah ke sekolah jenis kebangsaan dan sekolah agama.

"Buat permulaan, saya ingin melihat mata pelajaran Mandarin, Tamil atau Arab diajar dengan baik di semua sekolah kebangsaan serta menjadikannya sebagai satu pilihan kepada semua pelajar tanpa mengira bangsa," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, institusi pengajian tinggi perlu menyediakan kemudahan sokongan bagi membantu memasarkan pelajar masing-masing. Bimbingan kerjaya dan jalinan rangkaian industri masih di tahap rendah, yang tidak sepatutnya berlaku di negara ini.

"Kerajaan saja tidak mampu untuk meningkatkan sistem pendidikan kerana ia juga membabitkan peranan ibu bapa serta sokongan masyarakat, sektor swasta dan media," katanya.

Beliau berkata, kerajaan memandang berat tahap integrasi kaum sekarang kerana ada sekolah mempunyai hanya satu kaum dan bilangan pelajar bukan Melayu di sekolah kebangsaan semakin kecil.

Di sekolah dan universiti pelbagai kaum, katanya, kumpulan pelajar mengikut kaum adalah perkara biasa dan pengasingan ini akan menyemai ciri salah faham dan saling tidak mempercayai apabila pelajar itu menjadi dewasa.

"Kita akan meminggirkan diri dan kita hanya akan mempunyai persamaan dan hubungan yang tidak tulen. Kerana faktor inilah, portfolio pendidikan dipecahkan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

"Jurang dalam mutu (pendidikan) dan perpaduan nasional adalah isu mendesak. Saya mahu kedua-dua menteri berkenaan memberikan tumpuan kepada perkara kecil tetapi sama pentingnya yang turut memerlukan perhatian," katanya.

Abdullah berkata, sistem pendidikan dan tahap integrasi nasional perlu dipertingkatkan bagi menjamin masyarakat Malaysia sentiasa aman serta stabil dan usaha itu hendaklah bermula di bangku sekolah.

Katanya, untuk menentukan Malaysia menjadi sebuah negara hebat, setiap kaum perlu saling memahami dan menerima serta menghargai kekuatan atau perbezaan dengan kaum lain.

(END)